

Lorong kanan Jalan Cheras ditutup

KUALA LUMPUR 11 Sept.
- Lorong kanan Jalan Cheras arah Kajang dan Kuala Lumpur ditutup bagi memberi laluan kepada kerja-kerja projek Transit Pantas Massa (MRT) bermula semalam hingga 31 Oktober ini.

Mass Rapid Transit Corporation (MRT Corp.) selaku pemaju projek itu memaklumkan, penutupan lorong kanan tersebut bermula pukul 11 malam hingga 5.30 pagi, kecuali pada hari Sabtu dan cuti umum.

Menurut kenyataan akhbar MRT Corp., pelan pengurusan trafik yang cekap telah dilaksanakan bagi memastikan pengguna jalan raya dan pejalan kaki tidak menghadapi kesulitan.

Kenyataan tersebut berkata, halangan keselamatan dan kon trafik dipasang di tapak kerja untuk memastikan pengguna jalan raya dan pejalan kaki sedar akan kerja-kerja tersebut.

Maklumat lanjut boleh diperoleh di laman www.mymrt.com.my atau menghubungi talian MRT di 1800-82-6868.